

Dan jika Roh Dia, yang telah membangkitkan Yesus dari antara orang mati, diam di dalam kamu, maka Ia, yang telah membangkitkan Kristus Yesus dari antara orang mati, akan menghidupkan juga tubuhmu yang fana itu oleh Roh-Nya, yang diam di dalam kamu.

Jadi, saudara-saudara, kita adalah orang berhutang, tetapi bukan kepada daging, supaya hidup menurut daging. Sebab, jika kamu hidup menurut daging, kamu akan mati ...

Roma 8:11-12

Julai 9, 2023

www.heraldmalaysia.com



Ikuti Yesus dan wartakanlah Firman-Nya

TAKHTA SUCI: “Siapa-Yesus bagi saya?” Untuk menjawab soal ini, Bapa Suci Fransiskus memberi tumpuan kepada dua orang rasul besar Yesus iaitu Sto Petrus dan Paulus di mana kedua-dua orang kudus ini telah menjawab soalan penting tersebut melalui tindakan konkrit mereka.

Sto Petrus dan Paulus menjawab soalan itu dengan aksi nyata iaitu menjadi pengikut Yesus dan memberitakan Injil.

Menyampaikan homilinya semasa memimpin perayaan Ekaristi sempena Pesta Sto Petrus dan Paulus di Basilika St. Peter pada Jun 29, 2023, Sri Paus menekankan, “Gereja dipanggil untuk bertumbuh dan berkarya dengan cara yang sama seperti Petrus dan Paulus iaitu dengan mengikuti Tuhan terus-menerus dan dengan rendah hati mencari Dia.”

“Dengan memberitakan Injil di hadapan dunia dan membantu orang ramai membuka hati kepada hadirat Tuhan, kita dapat memperkenalkan Yesus di mana-mana lebih-lebih lagi di tempat-tempat di mana kemiskinan, budaya kematian dan peming-

giran mula berakar umbi,” kata Sri Paus Fransiskus.

Sangti Papa menggambarkan ketokohan Petrus semasa menjawab soalan Yesus ‘Menurut kamu, siapakah Aku ini?’ dengan kata-kata ‘Engkau adalah Mesias, Anak Tuhan yang hidup (Mat 16:16).’ Jawaban Petrus itu adalah hasil pengalaman dan perjalanan mengikuti Tuhan.

Hanya selepas memahami dan mengakui Yesus sebagai Mesias, kerohanian Petrus menjadi matang dan membawa pelbagai berkat serta menjadikannya pengaku serta pewarta iman yang kuat.

Saya tidak layak – muslihat iblis

“Petrus memberitahu kita bahawa tidak cukup untuk menjawab soalan —“Siapa Yesus bagi saya” dengan merujuk kepada formula-formula doktrin melainkan dengan mengikut Tuhan. Kita harus mengenal-Nya setiap hari, hanya dengan menjadi pengikut-Nya dan mendengar firman-Nya, kita menjadi sahabat-Nya dan mengalami kasih-Nya yang mengubah hidup kita,” jelas Sri Paus Fransiskus.

Oleh itu, Bapa Suci menggesa umat beriman agar dalam hal mengikut Yesus, jangan teragak-agak dan mengemukakan alasan.

“Alasan seperti ‘saya tidak layak’, ‘saya

tidak ada karunia’, ‘apalah yang dapat saya lakukan’ — adalah kepalsuan rohani dan muslihat iblis yang merampas kepercayaan kita terhadap rahmat Tuhan dengan membuat kita berfikir bahawa segala-galanya bergantung pada kemampuan kita sendiri.”

Sto Petrus mengajar kita untuk melepaskan diri kita dari semua bentuk keselamatan duniawi, “bersegeralah, bergesalah dan ikutlah Yesus setiap hari!”

Hanya dengan berusaha untuk menjadi “murid Tuhan, hamba Injil yang rendah hati serta mendengar” Gereja “mampu berdialog dengan semua orang dan menjadi tempat pendampingan, kedekatan dan harapan bagi lelaki dan wanita zaman kita,” kata Bapa Suci.

Semakin memberitakan Injil, semakin dalam pengetahuan

Kemudian Sri Paus mengajar tentang Sto Paulus, Rasul untuk orang-orang bukan Yahudi di mana jika Petrus menjawab soalan Yesus dengan mengikuti Dia, Paulus pula menjawab Yesus denganewartakan dan memberitakan Injil.

Jelasnya, “setelah Paulus bertemu dengan Yesus yang telah bangkit dan menemui kepenuhan misteri keselamatan, dia “mengabdikan hidupnya untuk melintasi daratan dan laut, dari kota ke kota, tanpa

menghiraukan penganiayaan, demi memberitakan Yesus Kristus.”

“Jika kita melihat kehidupan Paulus, semakin dia memberitakan Injil, pengetahuannya semakin bertambah. Denganewartakan Firman kepada orang lain, dia dapat melihat dengan lebih mendalam misteri Tuhan yang ajaib,” kata Sri Paus.

Rasul Paulus mengajar kita bahawa setiap kali kita menginjil, kita sendiri diinjil. Semakin banyak yang kita berikan, kita juga akan menerima lebih banyak lagi kata Sri Paus.

Oleh itu, amat perlu bagi Gereja pada zaman ini harus meletakkan khotbah sebagai pusat dan menjadi Gereja yang tidak pernah jemu mengulangi, “Bagi saya, hidup adalah Kristus” dan “malanglah aku jika tidak memberitakan Injil!”

Pada Pesta Sto Petrus dan Paulus, Bapa Suci juga memberkati dan memakaikan Pallium “tanda persekutuan dengan Gereja Roma” kepada beberapa Uskup Agung Metropolitan yang baru.

Kepada para Uskup Metropolitan yang baru ini, Sri Paus berkata kepada mereka, “Jadilah rasul seperti Petrus dan Paulus. Jadilah murid-murid Yesus dalam mengikuti danewartakan Injil. Bawa keindahan Injil itu di mana sahaja dengan semua umat Tuhan.” — *media Vatikan*

Terapi minda dengan menyertai kehidupan awam

Lebih lima puluh tahun yang lalu, Philip Rieff menulis sebuah buku bertajuk *The Triumph of the Therapeutic*. Di dalam buku ini, beliau mengatakan bahawa industri terapi yang semakin pesat di dunia sekular sekarang terjadi kerana sebahagian besar masyarakat telah 'rosak'.

Katanya, dalam masyarakat di mana terdapat unit keluarga dan komuniti yang kuat, terdapat kurangnya keperluan untuk terapi peribadi.

Orang ramai boleh menyelesaikan masalah mereka dengan lebih mudah melalui dan dalam komuniti.

Jika Rieff betul, dan bagi saya, pendapatnya itu memang benar, maka penyelesaian kepada banyak perkara yang mendorong kita ke sofa terapeutik mungkin dapat diselesaikan dengan menyertai kehidupan awam yang sihat, termasuk kehidupan gerejawi yang dapat menghindari kita dari terapi swasta.

Kita memerlukan, seperti yang dicadangkan oleh Parker Palmer, terapi kehidupan awam.

Apakah yang dimaksudkan dengan terapi kehidupan awam? Bagaimana kehidupan awam boleh membantu menyembuhkan kita?

Perlu diingatkan: Kehidupan awam (kita menjalani kehidupan dalam komuniti, di luar keintiman peribadi kita) menjadi sesi terapeutik iaitu membenamkan kelukaan kita dengan memasuki atau terlibat dalam rangkaian sosial yang boleh

membantu kesihatan kewarasan kita, memberi kita rentak tertentu untuk berjalan, dan menghubungkan kita dengan sumber yang melangkaui kelemahan dan keterbatasan peribadi kita.

Untuk menjalani kehidupan bersama dengan orang lain secara sihat, dapat menawarkan kita kehidupan yang di luar jangkaan dan ia merupakan terapi kerana kebanyakan kehidupan awam mempunyai irama dan ketetapan tertentu yang membantu menenangkan kitaran huru-hara kehidupan peribadi kita yang sering diselubungi dengan kekecewaan, kemurungan, kerapuhan psikologi, paranoia, dan pelbagai obsesi.

Tetapi kaedah ini sebenarnya masih abstrak. Benarkan saya untuk menggambarannya dengan contoh.

Semasa menjalankan pengajian kedoktoran di Belgium, saya mendapat keistimewaan untuk menghadiri kuliah Antoine Vergote, seorang doktor jiwa dan psikologi yang terkenal.

Pada suatu hari, saya berkesempatan untuk bertanya kepadanya, bagaimana seseorang harus mengendalikan obsesi emosi, sama ada dalam diri sendiri dan ketika cuba membantu orang lain. Jawapannya mengejutkan saya.

Dia berkata sesuatu yang memberikan kesan mendalam untuk saya.

Katanya, "Godaan yang mungkin anda miliki sebagai paderi



mungkin adalah dalam hal mematuhi perintah agama yang mudah dan ia juga boleh diselesaikan: 'Bawa masalah anda ke gereja! Doakan semuanya. Tuhan akan menolong kamu.'

Ini tidak salah. Tuhan dan doa memang boleh membantu. Tetapi kebanyakan masalah obsesi yang melumpuhkan sebenarnya bermula dengan tumpuan yang berlebihan ... dan tumpuan berlebihan itu terbahagi sama ada mahu keluar dari diri sendiri, hati, kehidupan dan ruang anda sendiri.

Jika tidak mahu emosi orang itu mati, bawalah dia menyertai kegiatan-kegiatan awam dan kehidupan awam misalnya menyertai perjumpaan sosial, hiburan, politik, kerja, gereja.

Bawa orang itu keluar dari dunia tertutupnya masuklah ke dalam kehidupan awam!" Katanya, sudah

tentu, untuk melakukan ini, kita perlu berhati-hati agar tidak terperangkap dalam godaan halus iaitu seseorang mungkin hanya mahu mengalihkan perhatian dari kesedihan atau pekerjaan.

Doktor itu menasihatkan, seseorang tidak boleh melarikan diri dari kesakitan dalaman.

Sebaliknya, seseorang yang dalam kesedihan itu perlu menyembuhkan kelukaannya dengan bergantung pada hubungan luar. Kadangkala hanya komuniti yang boleh menstabilkan kewarasan anda.

Di sini saya memberikan satu lagi contoh: Saya telah mengajar teologi di beberapa kolej selama lebih 40 tahun.

Ramai pelajar yang tidak stabil dari segi emosi, penuh dengan segala jenis kesakitan dan ketidakstabilan dalaman, yang muncul di kolej-kolej tersebut, yang ketara dalam bilik kuliah, kafeteria, chapel dan kawasan sosialnya, tetapi beransur-ansur menjadi lebih stabil dan lebih kuat dari segi emosi.

Dan kekuatan dan kemantapan itu bukan kerana kursus teologi yang mereka pelajari sebaliknya dari kehidupan dan kebaikan kehidupan masyarakat.

Pelajar-pelajar itu menjadi lebih baik bukan dengan apa yang mereka pelajari di dalam kuliah tetapi juga kerana mereka menyertai kehidupan dengan orang lain. Terapi kehidupan awam membantu menyembuhkan mereka.

Lebih-lebih lagi, kita sebagai

orang Kristian, terapi kehidupan awam juga bermakna terapi kehidupan gerejawi.

Kita menjadi lebih sihat dari segi emosi, lebih mantap, kurang taksuf, kurang menjadi hamba keresahan kita sendiri, dan lebih mampu menjadi siapa dan apa yang kita mahu dengan mengambil bahagian secara sihat dalam kehidupan awam gereja.

Para pertama, melalui sistem dan rentak pertapaan mereka, telah lama memahami perkara ini dan mempunyai rahsia yang patut kita ketahui: Program, irama, penyertaan awam, ajakan bersungguh-sungguh untuk hadir dan disiplin loceng monastik telah membuktikan dan memberikan kewarasan bagi ramai lelaki atau wanita dan berasa lebih gembira.

Merayakan Ekaristi secara tetap, berdoa dengan orang lain dengan kerap, menyertai pertemuan berkala bersama orang lain untuk berkongsi iman, tugas dan tanggungjawab dalam pelayanan bukan sahaja memupuk kehidupan rohani kita secara mendalam, ia juga membantu memastikan kita waras dan mantap.

Robert Lax, yang sangat terinspirasi dengan Thomas Merton, menyatakan bahawa tugas kita dalam hidup bukanlah mencari jalan keluar dari hutan sebaliknya mencari rentak untuk melalui hutan itu. Kehidupan awam boleh membantu kita mencari rentak tersebut. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

Dia tidak meletakkan beban terlalu berat pada kita

Yesus menyembunyikan misteri Kerajaan Tuhan bagi "orang bijak dan orang pandai". Ternyata untuk memahami sabda Tuhan dituntut hati yang sederhana dan murni.

Orang yang bijak atau pandai yang dimaksudkan Yesus itu, misalnya adalah orang yang pandai mengatur tetapi untuk kepentingan sendiri.

Atau orang yang pandai memperoleh dan mengolah wang, namun ternyata merugikan orang lain, dan juga dirinya sendiri dalam menggunakannya.

Tetapi ada juga orang yang berasa sangat pandai dan sombong, sampai tidak mahu memahami pandangan atau kebijakan baik dan benar yang pada umumnya dianuti ramai orang.

Nah, di samping orang-orang yang disebut "bijak dan pandai" itu, juga ada orang-orang yang disebut memiliki "kebijakan anak-anak" (bukan keanak-anakan), iaitu yang sederhana dan penuh kepercayaan.

Kebijakan sebagai anak ini lebih mudah memahami dan menerima hal-hal yang diberikan oleh Tuhan.

Percaya kepada sabda Tuhan menuntut kepercayaan penuh kepada kasih dan belaskasih-Nya. Tetapi juga menuntut suatu pengakuan dan kesedaran akan begitu terbatasnya kemampuan kita sebagai manusia, bila dibandingkan dengan kebesaran serta kemuliaan Tuhan. Kita bertanya kepada diri kita sendiri: apakah aku memiliki dan sadar akan sikap dasar hidupku sebagai manusia terhadap Tuhan?

Doa yang diucapkan Yesus dalam Injil hari ini menyedarkan kita, bahawa hanya Yesuslah yang mengenal Bapa.

Yesus datang untuk memperkenalkan Bapa-Nya itu kepada kita. Tidak semua orang menyedari hal ini, seperti misalnya Rasul Filipus.

Yesus berkata kepadanya: "Telah sekian lama Aku bersama-sama kamu, Filipus, namun engkau tidak mengenal Aku? Orang yang telah melihat Aku, telah melihat Bapa; bagaimana engkau berkata: Tunjukkanlah Bapa itu kepada kami" (Yoh 14:9).

Kesedaran kita bahawa Yesus merupakan cermin Tuhan kita,

akan sangat menolong kita apabila kita memanjatkan doa kita kepadanya.

Seperti kita dapat dengan mudah berdoa kepada Bunda Maria, demikian juga gambaran Tuhan Bapa yang tampak dalam diri Yesus akan mempermudah doa kita kepada Tuhan Bapa kita.

Apa syaratnya agar dapat berdoa dengan benar?

Sedar atau tidak sedar, kita ini memiliki sikap dasar kesombongan atau angkuh. Bukankah kita ini lebih banyak memikirkan diri kita sendiri, seolah-olah lebih baik dari pada orang lain.

Dalam hidup kerohanian, kita ini siapa pun juga sebagai manusia, tidak memiliki hak atau wewenang apa pun untuk selalu berhasil dalam doa kita.

Kita tidak berhak menuntut kepada Tuhan. Tetapi apabila kita menyerahkan diri kita kepada Bapa melalui Yesus, maka bukan kita sendiri yang hidup dan berdoa dalam Kerajaan Tuhan, melainkan Yesuslah yang berada, bertindak dan berbuat dalam diri kita untuk kemuliaan Tuhan.

Maka agar dapat berbuat de-

HARI MINGGU BIASA KE-14 TAHUN A

ZAKARIA 9:9-10

ROMA 8:9.11-13

INJIL MATIUS 11:25-30

mikian, kita ini pertama-tama harus mengenal dan mengakui diri kita sendiri lebih dahulu.

Kita pertama-tama harus secara jujur harus mahu dan berani mengakui, bahawa kita ini adalah orang berdosa.

Kita ini tergantung secara total dari rahmat dan kerahiman Tuhan. Kita harus rela tunduk mengakui "kekecilan" atau kerendahan kita dan menghadapi dan mengakui kebesaran dan kemuliaan Tuhan dalam diri Yesus.

Menghayati hidup rohani, hidup keagamaan, hidup batin, semua itu ibaratnya seperti seolah-olah kita naik tangga.

Makin tinggi kita naik tangga, makin besar bahayanya kita akan jatuh.

Hanya apabila kita mahu dan rela

bersikap sederhana dan rendah hati, Yesus akan selalu mendampingi kita naik tangga menuju kesucian, iaitu menerima kasih Tuhan sepenuhnya kepada kita. Keselamatan yang harus kita miliki bukanlah hasil jerih payah kita sendiri, melainkan karya Yesus bagi kita. Jangan sampai kita terlalu hanya percaya kepada kekuatan kita sendiri.

Kerana itu marilah kita selalu datang mendekati Yesus dengan rendah hati dan penuh kepercayaan. "Ya, Yesus Tuhan, dampingilah kami selalu! Engkau lemah lembut dan rendah hati. Semoga kita semakin menyedari bahawa bagi setiap orang yang percaya kepada-Mu, kuk yang Engkau pasang adalah enak, dan beban-Mu adalah ringan." — *Msgr. FX. Hadisumarta O.Carm*

232 terima Sakramen Krisma di KSFX, Keningau

KENINGAU: Seramai 232 orang calon Krisma telah menerima Sakramen Penguatan pada Jun 10, 2023 di Katedral St. Francis Xavier, Keningau (KSFX) yang telah dipimpin oleh Bapa Uskup Cornelius Piong.

Turut membantu Bapa Uskup dalam Misa itu ialah Fr. David Gasikol dan Fr. Appolonius Yakis.

Bapa Uskup dalam homilinya menyatakan, Roh Kudus merupakan penolong bagi kita dalam perjalanan iman dan yang mengingatkan kita akan ajaran-ajaran Tuhan.

Namun demikian, Roh Kudus tidak memaksa, justeru kita perlu menyedari dan memohon pertolongan-Nya untuk berkarya dalam hidup kita.

Oleh itu, Gereja telah menyediakan peluang menerima sakramen Krisma agar umat dapat mengalami Roh Kudus dan lebih menghayati peranan-Nya dalam hidup sehari-hari.

Ketua Keuskupan Keningau itu menyeru kepada umat khususnya kepada krismawan dan krismawati agar sentiasa memohon bimbingan dari Roh Kudus, "Bangkitkan dan kobarkan kuasa Roh Kudus yang ada pada kamu, kerana Roh yang kamu terima memberikan kuasa, kasih dan kebolehan



Uskup Cornelius mengoles minyak krisma kepada salah seorang krismawati pada Jun 10, di KSFX untuk mengawal diri."

Roh Kudus juga mengajar dan memampukan kita menjadi peribadi yang lebih baik melalui keluarga dan sesama. "Jangan tunggu apabila sedang mengalami masalah barulah ingat untuk berdoa memohon bantuan, tetapi tetaplah setia dalam doa dan menerima Roh Kudus di hati kita setiap hari" pesan Bapa

Uskup Cornelius.

Prelatus itu juga mengingatkan kepada para krismawan agar tidak mudah terpengaruh dengan godaan-godaan yang tidak baik dan selalu berandal kepada Roh Kudus khususnya setiap kali membuat keputusan.

Uskup juga berpesan kepada mereka agar selalu hadir menerima Sakramen Ekaristi dan

benar-benar menghayati Sabda Tuhan, bagi memelihara kesatuan dengan Yesus Kristus dalam perjalanan iman dan mengingatkan kembali petikan (Matius 10:33) "Tetapi sesiapa menyangkal Aku di depan manusia, Aku juga akan menyangkalnya di depan Bapa-Ku yang di syurga."

Uskup Cornelius turut menyeru agar para krismawan tetap setia mengikut ajaran-Nya dan tidak mudah meninggalkan-Nya. "Semoga dengan kepekaan kepada kehadiran Roh Kudus, kita mampu bertumbuh dalam iman, harapan dan kasih serta menyedari tanggungjawab kita sebagai seorang manusia," tambahnya lagi.

Penerima Sakramen Krisma ini sebahagian besarnya merupakan golongan belia yang terdiri daripada umat sekitar naungan Paroki KSFX.

Uskup Cornelius mengucapkan syukur dan terima kasih kepada semua katekis pembimbing yang terlibat dan keluarga para Krismawan dan krismawati yang telah bersama-sama mereka hingga berjaya menghabiskan pembelajaran dalam Siri Kateketikal Malaysia 10 (SKM 10) yang melayakkan mereka menerima Sakramen Krisma. — *Melissa Floy*

Tiga perayaan sukacita di Bentong

BENTONG: Dahulu, sebuah gereja yang kelihatan suram di sebuah pekan kecil, kini berubah menjadi bangunan yang indah dan menarik hasil usaha seorang paderi, Fr. Clement Lim.

Dalam usahanya untuk menambah baik gereja, beliau mendapat kerjasama dari umat Malaysia Timur dan penduduk tempatan sehingga menjadikan gereja usang, bertukar menjadi gereja yang cantik, besar dan gah.

Pada Jun 17, gereja itu meraikan tiga per-

ayaan besar iaitu Pesta Hati Kudus Yesus, Hari Bapa dan Pesta Gawai/Kaamatan.

Misa bermula pada pukul 7.00 malam selepas novena Hati Kudus Yesus, diikuti pemberkatan untuk para bapa dan god-fathers. Mereka menerima hadiah istimewa selepas upacara memotong kek.

Fr. Clement memberkati makanan dan semua orang pergi ke kantin untuk menikmati makan bersama. Mereka yang datang gembira dapat meraikan persahabatan melalui kerja keras penganjur.



Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Manfaat memakai skapular

Skapular (*Scapular*) berasal dari bahasa latin: "scapula" yang bererti bahu. Skapular ini awalnya berupa kain lebar yang melintang di bahu.

Pada mulanya, skapular ini berasal dari kehidupan para rahib. Sama seperti yang memakai stola itu adalah seorang paderi, maka seorang rahib ditandai dengan skapular.

Kemungkinan, pemakaian skapular ini dapat ditelusuri mulai abad ke-7, di mana skapular menjadi salah satu peraturan dari ordo benediktus.

Dengan berkembangnya ordo-ordo, seperti ordo ketiga (*third order*) – yang terdiri dari kaum awam, maka skapular ini juga berkembang, bukan hanya kain yang besar yang dikenakan oleh para rahib, namun skapular kecil, yang juga digunakan oleh kaum awam.

Lebih lanjut, ordo Karmel berjasa dalam menyebarkan devosi skapular (sekitar abad 13), iaitu dengan skapular coklat atau "brown scapular". Ada begitu banyak jenis skapular. Dan devosi ini mencapai puncaknya pada abad pertengahan, di mana skapular dan rosari menjadi dua devosi kepada Bunda Maria.

Untuk mengenalkan skapular ini, adalah bergantung dari jenis skapularnya, setelah diberkati oleh paderi maka seseorang yang memakai skapular bermakna dia memakai simbol persaudaraan (*membership in confraternity*).

Ada beberapa skapular yang sering dipakai oleh umat Katolik, seperti: 1) *The brown scapular of Our Lady of Mt. Carmel*, yang berwarna

coklat dan sering dihubungkan dengan *sabbatine* (Sabtu) Privilege, 2) *The red scapular of Christ's passion*, 3) *The black scapular of the seven sorrows of Mary*, 4) *The blue scapular of the Immaculate Conception*, 5) *The white scapular of the Holy Trinity*.

Dan ada juga skapular medal – yang mempunyai gambar hati kudus Yesus di satu sisi dan hati kudus Maria di sisi yang lain. Skapular medal ini disetujui oleh Vatikan pada tahun 1910.

Apakah manfaat dari skapular ini?

Manfaatnya adalah bergabung dalam persaudaraan dari skapular tersebut. Misalkan seseorang menggunakan skapular coklat, maka dia bergabung dalam persaudaraan "our Lady of Mt. Carmel". Dan Bunda Maria menjanjikan untuk orang-orang yang memakai skapular sampai pada akhir hayatnya akan diselamatkan.

Namun satu prinsip yang harus kita pegang, benda-benda seperti rosari, skapular adalah benda-benda sakramentali. Katekismus Gereja Katolik (KGK, 1667-1668) mengatakan:

1667: "Selain itu Bunda Gereja kudus telah mengadakan sakramentali, iaitu tanda-tanda suci, yang memiliki kemiripan dengan Sakramen-sakramen.

Sakramentali itu menandakan karunia-karunia, terutama yang bersifat rohani, dan yang diperoleh berkat doa permohonan Gereja. Melalui sakramentali hati manusia disiapkan

untuk menerima buah utama Sakramen-sakramen, dan pelbagai situasi hidup disucikan" (SC 60). (Bdk. CIC, can. 1166; CCEO, can. 867.)"

1668 "Gereja mengadakan sakramentali untuk menguduskan jabatan-jabatan gerejani tertentu, status hidup tertentu, aneka ragam keadaan hidup Kristian serta penggunaan benda-benda yang bermanfaat bagi manusia. Sesuai dengan keputusan pastoral para Uskup, mereka juga dapat disesuaikan dengan keperluan dan kebudayaan serta sejarah khusus umat Kristian suatu wilayah atau zaman. Mereka selalu mempunyai doa yang sering diiringi dengan tanda tertentu, misalnya penumpangan tangan, tanda salib, atau pemercikan dengan air berkat, yang mengingatkan kepada Pembaptisan."

Dari dokumen di atas, kita melihat bahawa rahmat yang mengalir dari sakramentali bergantung pada disposisi hati yang memakai.

Ketika seseorang memakai skapular dengan devosi dan disposisi hati yang baik, maka orang tersebut akan senantiasa diingatkan terhadap Bunda Maria dan Yesus.

Dengan disposisi hati yang baik, maka rahmat Tuhan mengalir, sehingga dapat menyucikan pelbagai situasi hidup. (lih KGK, 1667).

Oleh itu, orang yang memakai skapular, yang senantiasa diingatkan untuk menyucikan berbagai situasi hidup sampai akhir hayatnya, akan memperoleh keselamatan kekal. — *katolisitas*

Sahabat kecil Yesus

Aku _____
 kepada-Mu, _____,

 langit dan _____,
 kerana semuanya itu
 Engkau sembunyikan
 bagi orang _____
 dan orang _____,
 tetapi Engkau nyatakan
 kepada orang _____.



(Matius 11: 25)

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Rujuk Mat 11: 25.

BAPA TUHAN **BUMI PANDAI** **KECIL BERSYUKUR** **BIJAK**

Hello adik-adik,

Apa khabar? Antie tahu bahawa adik-adik masih kecil dan muda. Mungkin tidak banyak masalah yang adik-adik hadapi. Oleh itu, jangan lupa bersyukur di atas semua rahmat dan pemberian Tuhan.

Adik-adik, mari kita luangkan masa sedikit untuk mendoakan kanak-kanak yang sedang dalam ketakutan, kemiskinan, kelaparan, menderita dan kehilangan ibu bapa akibat peperangan dan bencana alam.

Pada hari minggu ini, Yesus

bersabda kepada mereka yang berbeban berat bahawa, "Marilah kepada-Ku semua yang letih lesu, Aku akan memberi kelegaan kepadamu" (Mat 11: 28).

Adik-adik, semua kesusahan hanya dapat kita lalui dengan campur tangan Tuhan.

Tuhan kita adalah Tuhan yang sangat berbelas kasihan dan penyayang. Dia tidak akan meninggalkan kita sendirian malah Dia sentiasa menyertai kita hingga akhir zaman (Mat 28:20).

Salam Sayang Antie Melly



Marilah kepada-Ku semua yang letih lesu dan berbeban berat, Aku akan memberi kelegaan kepadamu (Mat 11:28).

Mari Mewarna

Lukis dan lengkapkan wajah Yesus serta kanak-kanak di bawah. Jangan lupa mewarnakannya dengan warna kegemaran adik-adik.



Marilah kepada-Ku semua yang

Susun semula ayat di bawah untuk membaca pesan Yesus.



letih lesu

kelegaan kepadamu

Aku akan memberi

dan berbeban berat

BELIA MILENIUM

Lakukan amal dengan jujur, bukan kerana mahu popular

ROMA: Untuk beramal, ia harus autentik dan jujur. Kaum muda harus mengembangkan rasa belas kasih, agar melakukan karya kebajikan dengan hati yang jujur agar pelayanan amal itu selaras dengan pelayanan kasih Yesus, yang tidak memandangi status, bangsa dan budaya, kata Sri Paus Fransiskus.

"Semoga Tuhan membebaskan kita dari memikirkan bahawa karya amal sebagai kerjaya, menyumbang untuk mendapat nama, birokrasi kebaikan atau, lebih buruk lagi, karya amal itu dilakukan demi kepentingan politik," tulisnya kepada para peserta sidang pleno ROACO, sebuah perikatan badan-badan amal Katolik yang bekerja dengan Vatikan untuk membantu Gereja-gereja Timur dan kaum muda.

Sri Paus Fransiskus bertemu dengan perkumpulan itu pada Jun 22. Walaubagaimanapun, disebabkan oleh kesukaran bernafas, ucapan Bapa Suci diedarkan kepada para peserta.

"Salib yang melambangkan penyertaan utama Tuhan dalam penderitaan umat manusia memberikan umat Kristian, khususnya kaum muda, keaslian yang mereka cari, keberanian untuk bersaksi, kekuatan untuk mengatasi individualisme dan ketidakpedulian ... serta meningkatkan sikap berbelas kasihan."

Bapa Suci berterima kasih kepada ROACO atas "solidaritas proaktif yang membantu menyembuhkan luka yang boleh diumpamakan seperti membelai wajah seseorang yang menderita."

Rencana Tuhan, katanya, "mengajak kita untuk ber-



Karya-karya amal kita haruslah lahir dari hati yang jujur, bukan kerana mahu terkenal atau atas dasar kepentingan politik, kata Sri Paus Fransiskus kepada sukarelawan ROACO.

henti berkelahi satu sama lain dan berusaha melawan kelaparan dan penyakit."

Sri Paus Fransiskus juga memuji fokus sidang pleno ROACO yang memerhatikan pengalaman kaum muda di Gereja Katolik Timur, yang disebut oleh Sri Paus sebagai pilihan yang "bijaksana".

"Kaum muda ingin menjadi protagonis dari kebaikan bersama, yang seharusnya menjadi 'kompas' aksi sosial," kata Sri Paus.

Kepada orang-orang muda yang hadir, Bapa Suci menyeru mereka untuk menjadi "penjaga perdamaian bagi

semua orang, menjadi nabi yang membawa harapan baik danewartakan Firman-Nya yang menyelamatkan." Sri Paus Fransiskus juga berterima kasih kepada para peserta yang membantu mangsa gempa bumi pada Februari lalu di Turki dan Syria.

Sangti Papa juga menggesa mereka agar "selalu mendampingi dan melakukan kedekatan yang nyata dalam doa dan amal untuk orang-orang Ukraine yang dilanda perang," serta memuji projek-projek lain perkumpulan itu yang sedang giat berlangsung di Iran, Turki dan Eritrea. — **media Vatikan**

Kaum muda harus bergerak, sebar Berita Baik

PALEMBANG, Indonesia: "Saudara-saudariku kaum muda, saya ingin mengajak anda sekalian untuk meneladani kesucian Bonda Maria yang menjadi tema pertemuan Kaum Muda Indonesia (*Indonesian Youth Day III*) di Palembang ini, dan saya juga akan menyebarkan kesucian Bonda Maria ini sambil meluaskan pengaruh baik Santo Yosef,"

ungkap Uskup Agung Palembang, Msgr. Yohanes Harun Yuwono dalam homilinya sempena Perayaan Misa Kudus Pembukaan IYD 2023 di Kompleks Sukan Jakabarin pada Jun 26 lalu.

Manakala Ketua Konferensi para Uskup Indonesia (KWI) yang juga Uskup Bandung, Msgr. Antonius Subianto Bun-

jamin OSC menyampaikan sapaannya kepada orang muda peserta IYD 2023 Palembang bahawa, "Kaum muda serba boleh. Mereka boleh bekerja, boleh berdoa, boleh belajar, boleh makan, boleh menyanyi, boleh menari. Lalu apa yang tidak boleh? Hanya satu! Kaum muda tidak boleh DIAM!"

Prelatus itu juga menegaskan tentang makna perjumpaan kaum muda di Palembang.

"Perjumpaan orang muda di Palembang bukan sekadar perayaan tetapi merupakan kesempatan rahmat untuk mencari inspirasi, berbincang sekaligus bereksplorasi tentang pengalaman-pengalaman baik di antara kaum muda, bukan di kalangan Katolik sahaja tetapi daripada belia bukan seiman dan berlainan bangsa.

"Ini adalah dengan harapan sebagaimana Maria mendapat khabar dari Malaikat Gabriel, lalu mengandung Putera Tungal Tuhan, lalu membawa khabar gembira itu kepada Elisabet, demikian pula IYD 2023 ini menjadi peristiwa malaikat Gabriel memberikan warta gembira kepada kaum muda Indonesia, untuk pulang membawa khabar gembira yang penuh sukacita," tegasnya. — **hidupkatolik.com**



Sukacita peserta IYD 2023 semasa acara pembukaan di kompleks sukan, Jakabaring, Palembang.

Sri Paus tekankan spritualiti silih, bangunkan kerohanian para paderi

TAKHTA SUCI: Berbicara kepada para Pelayan Paraclete (*Servants of the Paraclete*) di Vatikan, Sri Paus Fransiskus membangkitkan tragedi penyelewengan di kalangan para klerus, dan mendorong memperdalam “spiritualiti silih” (spiritualiti penebusan dosa) bagi membantu para paderi menemui semula keunggulan kehidupan spiritual.

Pelayan Paraclete didirikan pada tahun 1947 di New Mexico oleh Fr Gerald M.C. Fitzgerald, untuk membantu para paderi yang mempunyai kesukaran peribadi misalnya ketagihan alkohol dan gangguan seksual.

Mereka menawarkan program spiritual dan holistik untuk pembaharuan panggilan melalui bimbingan rohani, terapi, pendidikan, pembinaan berkelanjutan, doa dan kontemplasi.

Ia melayani di beberapa negara

United Kingdom, Perancis, Itali, Filipina, Afrika, dan negara-negara Amerika Selatan.

Bapa Suci bertemu dan menyampaikan ucapan kepada 55 orang paderi dan brother di Dewan Kepausan Konsistori.

Prelatus itu menekankan moto kongregasi tersebut, “*pro Christo Sacerdote*” yang menyerlahkan panggilan khusus kongregasi itu untuk melayani Kristus melalui para paderi, di bawah di bawah bimbingan Roh Kudus, *Paraclete*.

“Dosa menodai, dan kita memiliki pengalaman yang menyakitkan dan memalukan ketika kita sendiri atau salah satu paderi atau Uskup, jatuh ke jurang kejahatan, terlibat dalam korupsi atau lebih buruk lagi, merosakkan kehidupan orang lain.”

Dalam konteks ini, Sri Paus Fransiskus menekankan misi para Pelayan Paraclete menjadi semakin penting saat ini.

“Dalam situasi seperti ini, ‘Pelayan Paraclete’ harus mendedikasikan hidup anda untuk menemani beberapa paderi dan brother, menawarkan jalan pertobatan dan pembaharuan spiritual dan panggilan.”

Bapa Suci mengajak para anggota Kongregasi untuk memperdalam “spiritualiti silih” ini bermula dengan menyedari “keperluan akan penyucian, atas dasar pelayanan suci para Gembala Umat Tuhan.”

Oleh itu, Bapa Suci menekankan pentingnya membantu menemui kembali keutamaan hidup rohani, “dengan menyedari bahawa kedewasaan imamat terpenuhi ketika Roh Kudus menjadi pelaku utama kehidupan para pelayan tertahbis.”

“Semoga Roh Kudus membantu kalian untuk memandangi setiap paderi dengan mata Yesus, dengan kasih dan kelembutan-Nya,” ujar Sri Paus pada akhir pertemuan itu.

— *media Vatikan*



Bapa Suci bersama seorang seminarian semasa pertemuan dengan para Uskup dan seminarian di Vatikan.

Gereja terkubur berusia 400 tahun, timbul semula



Sebuah gereja yang didedikasikan untuk rasul Yakobus Agung di kota San Juan Quechula yang tenggelam di Chiapas, Mexico, kini telah timbul setelah kemarau kuat.

NEW MEXICO: Disebabkan gelombang haba dan kemarau yang kuat sebuah gereja Katolik berusia lebih 400 tahun telah timbul di perairan Chiapas, New Mexico.

Gereja San Juan Quechula yang hilang itu, didedikasikan kepada rasul Yakobus Agung yang dibina oleh friar Dominican pada abad ke-16.

Namun pada tahun 1966, akibat banjir dan pembinaan empangan hidroelektrik Nezahualcōyotl, telah menenggelamkan gereja tersebut.

Ini adalah salah satu daripada tujuh Gereja yang terkubur di perairan di kawasan berlainan di Mexico.

Dalam beberapa tahun lalu, hanya bahagian atas gereja itu yang kelihatan dan pengunjung melawat gereja itu dengan boat. Kini para pengunjung dapat melawat gereja ini dengan menaiki kenderaan darat.

Pihak berkuasa telah mengarahkan agar kawasan itu dibersihkan dan pengunjung dibenarkan untuk melawat pada masa tertentu. — *CNA*

Jurnalis dipanggil bantu bina peradaban yang lebih baik

ROMA: Para jurnalis diseru untuk merangkul panggilan mereka dengan lebih bertanggung jawab dan mendidik generasi mendatang serta membangun peradaban yang lebih baik, demikian harapan Sri Paus terhadap perwakilan dari *Biagio Agnes* pada Jun 24.

Sebagai jurnalis, anda dipanggil untuk ‘meninggalkan kasut keselesaan’ atau berjalan di jalanan ‘digital’ untuk mendengar orang yang ditemuinya.”

Sri Paus turut mengungkapkan kata-kata penghargaan yang tulus kepada para wartawan yang ber-

tugas di medan peperangan dan mengambil risiko demi melaporkan situasi getir itu.

Menghargai para jurnalis yang melaporkan peperangan, Sri Paus memuji mereka sebagai “pencerita tragedi dan konflik, membuat pembaca atau pendengar merasai penderitaan para mangsa peperangan.”

Sri Paus kemudian menggunakan tiga elemen yang selalu ada dalam dunia kewartawanan iaitu buku catatan, pen dan pandangan.

Buku catatan melambangkan catatan kesaksian langsung.

Pen melambangkan proses fikiran, mengingatkan semula masa lalu dan kini serta merupakan ‘tindakan kreatif’ jurnalis.”

Buku catatan dan pen, kata Sri Paus, “hanya akan jadi aksesori jika ‘pandangan pada realiti hilang. Pandangan dan tulisan jurnalis berkuasa untuk melindungi kehidupan.’”

Sri Paus menekankan bahawa pandangan seorang jurnalis harus “membangun peradaban yang lebih baik dan menjadikan profesion kewartawanan sebagai penerus misi Kristus di dunia.” — *media Vatikan*



Sri Paus bertemu delegasi dari Biagio Agnes di Vatikan.

Para pemimpin Gereja risau penurunan panggilan di Asia



Kardinal Charles Maung Bo.

BANGKOK: Para pemimpin Gereja telah menyerukan tindakan kolektif untuk menangani isu-isu termasuk pembangunan ekonomi, perubahan struktur keluarga, kesan teknologi dan ideologi, kemiskinan, dan migrasi yang menyebabkan penurunan panggilan imam dan religius di Asia.

“Dalam dekad terakhir abad lalu, panggilan meningkat di Asia, tetapi pada abad baru, trennya berubah,” kata Kardinal Charles Maung Bo, ketua Federasi Konferensi-konferensi para Uskup Asia (FABC).

Kardinal Bo berbicara tentang

cabaran yang dihadapi Gereja di seluruh dunia, khususnya di Asia, semasa menyampaikan ucapannya pada Konvensi Serra Antarabangsa ke-80, di Chiang Mai, Thailand, pada Jun 22-25.

Konvensi Serra adalah kerassulan awam sukarela yang diakui Vatikan untuk mempromosikan panggilan. Didirikan tahun 1935, memiliki lebih 20,000 anggota dan terdapat 1,109 kumpulan *Serra International* di 46 negara.

Seramai 450 animator panggilan termasuk paderi, religius dan awam dari pelbagai negara hadir

dalam acara tersebut.

Kardinal Bo mengatakan jumlah panggilan di beberapa negara di Asia meningkat pada tahun 1970-an dan 30 tahun berikutnya.

“Kini kita berada di persimpangan jalan di mana mengekalkan jumlah sedia adalah lebih mencabar berbanding dahulu,” kata Kardinal Bo yang menyajikan lima cabaran utama yang mendorong aliran penurunan dalam panggilan imam dan religius.

Antara cabaran tersebut ialah perkembangan ekonomi yang pesat di Asia telah menyebabkan penu-

runan yang ketara dalam panggilan di kebanyakan negara maju.

Individu sekarang menjadi “terobsesi” dengan kekayaan dan keserakahan.

“Pola fikir seperti itu membuat individu kurang memikirkan kemurahan hati dan pemberian diri,” katanya.

Kardinal Bo mendesak umat Katolik agar tidak membiarkan penurunan ini terus merundum sebaliknya mengambil langkah konkrit untuk berbagi kisah tentang panggilan bagi menginspirasi orang lain. — *ucanews.com*

BERDOA MALAIKAT TUHAN BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Tetap bertahan walau cabaran seribu liku

ROMA: Walaupun pelbagai risiko, pengorbanan, atau ketakutan yang terlibat, Yesus menjemput anda untuk tetap setia kerana Dia akan menjaga serta mengendalikan perkara-perkara yang membebaskan kita.

Ini seruan Sri Paus Fransiskus kepada para penziarah yang berhimpun di Dataran Sto Petrus semasa doa Angelus, Jun 25.

Bapa Suci mengingatkan kepada umat bahawa Yesus sentiasa menggalakkan orang-orang beriman agar menentang arus dan tidak teragak-agak untuk menolak pemikiran yang meminggirkan Tuhan.

Sri Paus memulakan ucapannya dengan pesan Yesus yang diulangi-Nya sebanyak tiga kali terhadap para murid-Nya, "Jangan takut."

Yesus berkata demikian kerana para rasul akan menyaksikan penangkapan dan penganiayaan terhadap Yesus serta Yesus mengingatkan mereka bahawa mereka perlu bertahan demi Injil.

Sri Paus Fransiskus memerhatikan bahawa realiti ini masih relevan pada hari ini kerana selain kegembiraan besar, Gereja juga menghadapi penganiayaan yang besar.

"Ia seolah-olah paradoks," kata Sri Paus. "Mewartakan Kerajaan Tuhan ada-

lah pesan keamanan dan keadilan, yang bermula dari sikap beramal, pengampunan dan persaudaraan, namun ia menghadapi tentangan, keganasan, dan penganiayaan."

Yesus berkata agar tidak takut dengan cabaran itu "bukan kerana pada akhirnya fasa kesusahan itu akan berlalu dan semuanya akan menjadi baik-baik sahaja tetapi kerana kita sangat berharga dan semua yang ada pada kita, tidak akan ada yang hilang."

"Seseorang tidak boleh terlalu takut orang lain akan salah faham terhadap kita, kita tidak boleh takut risiko kehilangan prestij dan kehilangan peluang ekonomi sebaliknya tetap setia kepada Injil," jelasnya.

Bapa Suci menasihati para kaum beriman agar tidak mengejar perkara-perkara remeh, yang tidak mengisi kehidupan den-

gan makna.

Sri Paus berkata amaran ini jelas relevan kepada kita pada hari ini. "Malah pada hari ini, seseorang yang tidak mengikuti aliran masa kini boleh ditertawakan jika tidak mengikuti model atau cara moden yang lebih mementingkan prestasi dan kesejahteraan bumi."

Oleh itu, Bapa Suci memberikan nasihat kepada ibu bapa yang hadir bahawa "ibu atau bapa perlu bekerja untuk menyara keluarga mereka, tetapi mereka tidak boleh bekerja seharian dan sendirian: mereka perlu bersama dengan anak-anak mereka."

Begitu juga dengan para paderi dan religius, meskipun sibuk dengan komitmen pelayanan, mereka tidak boleh mengabaikan kualiti hidup doa dan rohani mereka serta harus sentiasa meluangkan waktu bersama Yesus. — *media Vatikan*



PENULIS BERKICAU

Penindasan agama: Asia di tangga teratas

Kebebasan beragama terus menurun di seluruh dunia, dan Asia tetap menjadi wilayah mem-bimbangkan berkaitan penganiayaan agama, kata laporan sebuah badan amal kepausan, *Aid to the Church in Need* (ACN).

Laporan kebebasan beragama terbaru ACN menyatakan 61 dari 196 negara yang dikaji, sangat membatasi kebebasan beragama.

Laporan tersebut, yang diterbitkan dua kali setahun sejak 1999, merupakan satu-satunya dokumen bukan kerajaan tentang kebebasan beragama global yang mencakupi semua agama, demikian laporan akhbar harian Portugis, *Hoje Macau* pada Jun 25.

Regina Lynch, direktor eksekutif *ACN International*, menyatakan matlamat kaji selidik tentang hak kebebasan beragama adalah untuk memberikan informasi dan analisis "tentang pelanggaran HAM di seluruh dunia."

Laporan tersebut menyatakan sejak Januari 2021, penganiayaan agama yang dilakukan oleh golongan agama majoriti dan kerajaan telah meningkat.

Di antara kawasan yang dianalisis dalam laporan tersebut, Asia mendahului dalam pelanggaran kebebasan beragama terburuk di dunia.

China, India, Nepal, Korea Utara, Vietnam, Myanmar, Malaysia, India, Irak, Iran, dan Pakistan adalah beberapa negara di mana berlakunya penganiayaan agama yang ketara.

'Sinisasi' agama Parti Komunis China (PKC) mengharuskan semua agama mematuhi ideologi, doktrin, dan ajaran PKC – merupakan satu bentuk penindasan komuniti beragama yang tidak pernah berakhir.

Laporan tersebut menyatakan populasi Muslim Uyghur terus mengalami penganiayaan yang keras, termasuk penutupan dan penghancuran masjid.

India, yang diperintah oleh Parti Bharatiya Janata (BJP) pro-Hindu, juga terlibat dalam penindasan terhadap golongan agama minoriti khususnya penganut Kristian dan Muslim.

Sementara itu, Nepal yang majoriti penduduk beragama Hindu, mengesahkan Undang-undang Anti Penukaran Agama yang melarang rakyatnya menukar agama, serta cenderung meminggirkan komuniti dan organisasi bukan Hindu di negara itu.

ACN juga melaporkan Korea Utara memiliki catatan pelanggaran hak asasi agama terburuk di dunia di mana kumpulan-kumpulan agama menderita "penganiayaan ekstrem."

Melihat pelbagai bentuk penindasan agama ini, Sri Paus Fransiskus sering kali mengulangi kepentingan dialog antara agama.

Gereja memainkan peranan penting untuk mempromosi dan melakukan dialog, bagi menumbuhkan penerimaan kepelbagaian masyarakat dan rasa hormat terhadap yang lain, sebagai satu-satunya alternatif mengelakkan sengketanya dan konflik.

Sri Paus Fransiskus juga mementingkan peranan media dalam hal mempromosi toleransi antara agama. Katanya, peranan wartawan dalam membina peradaban, mengukuhkan persaudaraan dan persahabatan, mengelak berita bohong, adalah sangat penting pada masa sekarang.

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Santapan iman

Mengenal ikon Maria Bonda Selalu Menolong

WINA, Austria: Jun 27 merupakan tarikh istimewa Kongregasi Redemptorist kerana pada hari tersebut merupakan Pesta Maria, Bonda Selalu Menolong (*Mother Perpetual Help*). Kongregasi Redemptorist mendapat mandat untuk memperkenalkan ikon Maria Bonda Selalu Menolong kepada seluruh dunia.

Mari berkenalan dengan ikon Bonda Maria Selalu Menolong

Ikon Maria Bonda Selalu Menolong menampilkan figura Bonda Maria dalam balu-

tan jubah merah dan kain panjang (*mantle*) biru yang sedang menggendong kanak-kanak Yesus.

Kelihatan Yesus seperti ketakutan kerana di bahu kanan dan kiri Bonda Maria ada imej Malaikat Mikael dan Malaikat Gabriel. Malaikat Mikael membawa tombak, lembing, bejana berisi cuka dan hempedu. Sedangkan Malaikat Gabriel membawa salib dan paku.

Gambar ini memperlihatkan pesan Yesus bahawa pada suatu hari, Dia akan mender-

ita dengan benda-benda yang dibawa kedua malaikat tersebut dan kanak-kanak Yesus meminta perlindungan Bonda Maria.

Dikatakan, ikon Maria Bonda Selalu Menolong dilukis oleh seorang seniman Eropah Timur. Tidak diketahui tarikh sebenar ia dilukis namun diperkirakan sekitar abad 13 atau 14 dan berasal dari Pulau Kreta, Yunani.

Pada 1798, semasa era Napoleon Bonaparte terjadi peperangan dan gereja yang menyimpan ikon itu telah hancur. Namun ikon yang berukuran 45 cm x 53 cm ini ditemui 70 tahun kemudian di bawah runtuhan gereja.

Lalu pada Disember 11, 1865, Sri Paus Pius IX memberikan mandat kepada Kongregasi Redemptorist (CSsR) untuk memperkenalkan ikon tersebut kepada seluruh dunia.

Sejak April 26, 1866 ikon tersebut ditempatkan di Gereja Alphonsus Liguori, Roma Itali.

Sri Paus Paulus VI menegaskan bahawa pemberian nama Bonda Selalu Menolong sesuai dengan ajaran Konsili Vatikan II yang menekankan asuhan Bonda Maria terhadap Gereja yang masih terus berjuang di dunia.

Ikon Maria Bonda Selalu Menolong ini juga menggambarkan tiga peristiwa rosari iaitu peristiwa gembira (semasa Maria menerima khabar gembira dari Malaikat Gabriel), peristiwa sedih (semasa Yesus menderita dan wafat di salib), serta peristiwa mulia (ketika Yesus naik ke syurga dan Maria diangkat ke syurga). — *hidupkatolik.com*



Pertemuan fizikal pertama ECMI selepas pandemik di Bunan-Serian

KUCHING: Keuskupan Agung Kuching menjadi tuan rumah pertemuan tahunan Komisi Episkopal Pelayanan Pastoral bagi Migran dan Pelarian (ECMI) yang berlangsung pada Jun 18 hingga 22 lalu di Pusat Ziarah Gethsemane (GPC), Bunan, Serian.

Kedatangan perwakilan dari Keuskupan/Agung seluruh Malaysia, Singapura dan Vikariat Brunei, dialu-alukan oleh Fr. Alvin Ng, SJ dan tim.

Ini merupakan perhimpunan fizikal pertama sejak pandemik melanda dunia tiga tahun lalu di mana para perwakilan hanya dapat bertemu dalam talian.

Tidak seperti perhimpunan sebelum ini yang cenderung memberi tumpuan kepada kerja fizikal dan cabaran pelayanan kepada migran, pelarian dan orang yang berpindah randah, pertemuan kali ini menumpukan kesejahteraan rohani di kalangan anggota ECMI.

Fr. Paul Dass, SJ, seorang Yesuit yang mempunyai pengalaman bertahun-tahun melayani kaum migran di Malaysia dan luar negara, telah dijemput untuk menjadi nara sumber dan pendamping rohani. Sepanjang dua hari, Fr. Dass mengajak

para peserta untuk merenung perjalanan dalam Alkitab tentang orang Israel purba sebagai pendatang, nenek moyang mereka sebagai "pengembara Aramean."

Dari perhambaan di Mesir, melalui peristiwa Keluaran dan pengasingan di Babilonia, orang Israel tidak pernah jauh dari realiti penghijrahan dan terpaksa hidup di kalangan orang yang tidak dikenali. Namun, mereka bertahan dan diberikan kekuatan ilahi untuk bersikap baik terhadap orang asing kerana mereka juga pernah menjadi migran serta pelarian.

Sementara itu, semasa Yesus lahir ke dunia, Dia juga telah menjadi bayi pelarian bersama ibu bapanya ketika melarikan diri dari pembunuhan Herodes terhadap kanak-kanak. Para perwakilan juga dibawa untuk menyedari setiap manusia adalah pendatang di bumi. Secara individu dan kolektif, semua adalah kita adalah penghijrah dalam ziarah di bumi ini menuju ke kerajaan Bapa.

Sesi sintesis berdasarkan perbualan rohani di kalangan peserta memberikan maklum balas baik untuk perancangan masa hadapan ECMI.



Perbincangan itu termasuklah perkongsian para peserta tentang pemahaman mereka bagaimana Tuhan menggerakkan Komisi tersebut. Mereka juga berkongsi akan pengalaman rohani mereka selepas sesi Fr Dass. Para anggota ECMI juga membuat beberapa cadangan susulan jawatankuasa Eksekutif ECMI selepas pertemuan tersebut.

Selain sesi rohani dan mesyuarat, ang-

gota ECMI juga dibawa ke bandar untuk melawat Pusat Pembelajaran Kanak-kanak Migran yang dikendalikan oleh Pelayanan Migran Keuskupan Agung Kuching bagi kanak-kanak berumur lima hingga 12 tahun (gambar diatas).

Pertemuan itu diakhiri dengan majlis makan malam. Keuskupan Pulau Pinang diumumkan sebagai tuan rumah pertemuan tahunan ECMI pada tahun 2024.

Perwakilan ERCFLL kongsi program menarik untuk keluarga

SIBU: Komisi Episkopal untuk Keluarga, Kaum Awam dan Kehidupan (ERC-FLL) bagi Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura & Brunei telah mengadakan mesyuarat tahunannya di Pusat Pastoral Diocesan Sibu pada Jun 11-13 lalu.

Mesyuarat tahunan edisi kesembilan ini telah dihadiri oleh 35 delegasi dari ERCFLL. Dalam pertemuan itu, setiap perwakilan melaporkan program dan inisiatif kehidupan keluarga sejak Ogos 2022 hingga Mei 2023 di keuskupan masing-masing.



Laporan itu juga menekankan keberhasilan bekerjasama dengan pelayanan lain gereja, badan bukan kerajaan, institusi dan agensi kerajaan misalnya Pelayanan Kesihatan Mental Keuskupan Agung KL, Couple for Christ, Kursus Pra-Perkahwinan, Pelayanan Pembangunan Manusia dan pelayanan-pelayanan yang terlibat dalam menangani isu keluarga.

Semasa Misa Kudus pembukaan, Uskup Agung John Wong, Presiden ERCFLL, menyatakan bahawa beliau dapat melihat kegembiraan dan perpaduan ini kelihatan di kalangan para perwakilan dan menggesa mereka untuk berkongsi kegembiraan ini dengan keluarga di keuskupan masing-masing.

Dalam ucapan perasmianya, prelatus itu mengalu-alukan semua perwakilan ke

mesyuarat tersebut khususnya para perwakilan yang baru. Uskup Agung John juga mengucapkan terima kasih atas pelayanan dan komitmen mereka dalam membina keluarga Kristian yang kuat.

Jelasnya, berhimpun dan mendengar satu sama lain, berkongsi keprihatinan dan mengusulkan cadangan setiap tahun adalah aspek yang sangat penting dan mencerminkan objektif Perjalanan Sinodal yang dimulakan oleh Sri Paus Fransiskus.

Prelatus itu meneruskan, "Proses Sinode ialah ziarah seluruh Umat Tuhan yang datang bersama-sama bagi memahami bagaimana ciri Gereja mengikut kawasan dan secara global, dan dalam konteks ini, kita harus mencari kehendak Tuhan pada masa ini demi kesejahteraan keluarga Kristian di rantau ini."

Ulang tahun seminari dan rektor Kolej General diraikan serentak

PULAU PINANG: Seminari Kolej General merayakan tiga perayaan sukacita pada Jun 19 lalu iaitu Pesta Sto Philip Minh dan Sahabat, sekumpulan martir Vietnam yang merupakan alumni Kolej General.

Mereka menerima pembentukan imam mereka pada awal abad ke-19 dan telah dikanonisasikan oleh Sto Yohanes Paulus II pada tahun 1988. Perayaan kedua ialah ulang tahun kelahiran dan ulang tahun Imam ke-25, Fr Simon Labrooy, rektor Kolej General.

Tiga perayaan gembira itu dimulakan dengan Misa di Shrine Sto Philip Minh dan Sahabat. Fr Simon merupakan sele-

bran utama bersama Uskup Agung Julian Leow, Uskup Sebastian Francis, Uskup Emeritus Anthony Selva, seorang diakon dan 50 orang paderi.

Perjalanan liturgi telah dikendalikan oleh para seminarian Kolej General. Dalam homilinya berdasarkan teks Injil Yohanes 12:24-26,

Fr Simon mengatakan, jika sebutir benih jatuh ke tanah dan mati, ia tidak akan menghasilkan tuaian yang berbuah. Ini bermakna kehidupan yang lebih suka bersendirian dan mementingkan diri, tidak dapat memupuk perpaduan dan keamanan.

Paderi itu juga mengenang mendiang Fr Phillips Muthu, seorang rakan paderi yang pernah berkata, "Jika kamu mahu hidup lebih dari dua kehidupan, anda harus mati lebih dari sekali." Dalam mana-mana perhubungan, kita akan menemui orang baru, ada yang harus berkorban dan mati agar beberapa aspek kehidupan terus bertumbuh dalam perhubungan itu.

Fr Simon mengakhiri homilinya dengan meminta umat berdoa bersamanya sebagai ungkapan penghargaan kepada mereka yang berjalan bersamanya, yang memberi pengaruh baik dan memberi inspirasi hebat dalam kepaderiannya.



Fr Simon semasa menyampaikan homilinya.